

# Agenda penting majukan negara

Oleh YULPISMAN ASLI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Parlimen hari ini, adalah agenda penting kerajaan untuk memacu kemajuan negara dan rakyat dalam tempoh lima tahun akan datang (2021 hingga 2025).

Disediakan berdasarkan rancangan-rancangan sebelumnya seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional, RMK-12 bakal menetapkan asas bagi merealisasikan semangat Keluarga Malaysia yang akan mengubah landasan pembangunan negara untuk mencapai Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

RMK-12 merupakan satu transformasi. Ia dijangka memberi perhatian khusus terhadap usaha menangani masalah kemiskinan tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi.

Beberapa perubahan dan inisiatif yang radikal dijangka dilaksanakan untuk terus meningkatkan taraf hidup rakyat dan memacu kembali pertumbuhan mengambil kira cabaran semasa, khususnya pandemik Covid-19.

Ini kerana, Covid-19 telah menjaskan pertumbuhan ekonomi



RMK-12 dijangka memberi perhatian khusus terhadap usaha menangani masalah kemiskinan tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi.

negara dengan kadar inflasi, pengangguran dan kemiskinan kembali meningkat. Jurang pertumbuhan antara negeri, kawasan bandar dan luar bandar juga masih ketara.

Justeru, RMK-12 dijangka memberi tumpuan kepada dasar dan

strategi untuk mengukuh dan menstruktur semula ekonomi, selain menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi bagi mencapai matlamat di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

"RMK-12 bakal menentukan hala tuju negara dalam tempoh lima tahun akan datang," menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam sesi taklimat baru-baru ini.

Bagi Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff, RMK-12 dijangka diajaran dengan inisiatif kemakmuran bersama berasaskan tiga dimensi iaitu pemerksaan ekonomi, kelempapan alam sekitar dan kerekaayaan sosial (*social reengineering*).

Beliau berkata, pemerksaan ekonomi meliputi sumber dan bidang baharu pertumbuhan termasuk Revolusi Perindustrian 4.0, ekonomi digital, industri aeroangkasa dan pembangunan wilayah yang bersepadu serta pemboleh pertumbuhan seperti sumber tenaga yang mamparn dan keter-sambungan infrastruktur.

Kemampunan alam sekitar pula mengambil kira ekonomi biru, teknologi hijau, tenaga boleh baharu serta adaptasi dan mitigasi perubahan iklim.

"Manakala kerekaayaan sosial mencakupi peningkatan nilai-nilai murni, penambahan kuasa beli rakyat, pembentukan masyarakat bumiputera yang berdaya tahan, pengukuhan jaringan keselamatan sosial dan peningkatan kesejahteraan rakyat seperti yang telah dirancang. Ia turut mengambil kira faktor keadaan semasa di mana negara masih mengalami pandemik dan kemerudumkan ekonomi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.